



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013



SALAH sebuah kereta perisai berantai ACV Adnan kelihatan memasuki kawasan operasi bagi memburu pengganas Kiram dalam Ops Daulat di Lahad Datu, semalam.



MOHD. Zaki Mokhtar (kanan) bersama Hamza Taib pada sidang akhbar Ops Daulat di Felda Residence Sahabat, Lahad Datu, semalam.

# Kereta perisai berantai Adnan mula 'bekerja'

UM - 20/3/2013

LAHAD DATU 19 Mac - Kereta perisai berantai Adnan yang tiba semalam, mula memasuki kawasan operasi di Kampung Tanjung Batu hari ini, bagi membantu usaha mengesan saki baki kumpulan pengganas Kiram di kawasan berkenaan.

Panglima 1 Divisyen Infantri, Datuk Mohd. Zaki Mokhtar berkata, dengan bantuan kereta perisai berkenaan, pihaknya percaya operasi membersih dan menggeladahkan Kam-

pung Tanjung Batu akan dapat diselesaikan hari ini.

"Penggunaan kereta perisai berkenaan amat signifikan kerana ia bukan sahaja mempunyai daya perlindungan dan persenjataan yang baik tetapi mampu bergerak di kawasan yang sukar.

"Kalau sebelum ini, operasi banyak terbatas kepada jalan dan kawasan tertentu tetapi dengan kereta perisai berantai ini kita mampu meredah kawasan luar daripada ja-

lan-jalan biasa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib.

Sementara itu, Hamza berkata, pada masa ini kawasan Kampung Tanduo dan Kampung Sungai Nyamuk telah berjaya dibersihkan dan pihak keselamatan hanya menumpukan operasi di kawasan Tanjung Batu.

"Dalam operasi di kawasan Kampung Tanjung Batu semalam, empat

pertempuran berlaku bermula pukul 8.05 pagi dan berakhir 5.30 petang yang mana kedua-dua pihak tidak mendapat kemalangan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pasukan keselamatan menahan tiga lagi suspek yang dipercayai ada kaitan dengan kumpulan pengganas Kiram dalam satu serbuan di Sandakan semalam.

Katanya, ketiga-tiga suspek berkenaan akan disiasat mengikut Seksyen 130 (c) Kanun Keseksaan

yang dibaca bersama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

"Tangkapan terbaru ini menjadikan jumlah suspek yang ditahan di bawah SOSMA meningkat kepada 107 orang manakala jumlah yang ditahan dalam lain-lain kesalahan ialah sebanyak 243 orang," katanya.

Tambahnya, setakat ini sebanyak 62 musuh berjaya ditembak mati dan 28 mayat musuh berjaya dikeluarkan.